

# NILAI PENDIDIKAN DALAM TALAALA DUSUN TINDAL *THE VALUE OF EDUCATION IN TALAALA DUSUN TINDAL*

**Roslih Kiting**  
**Jemir Kinsom**  
**Ewon Benedick**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Perak, Malaysia*  
*roslih@fbk.upsi.edu.my*

*Tarikh Dihantar: 20 April 2020 / Tarikh Diterima: 15 Disember 2020*

---

## **ABSTRAK**

Dusun Tindal merupakan etnik majoriti yang menduduki daerah Kota Belud, Sabah. Etnik ini terkenal dengan puisi yang disebut *talaala*. Puisi ini menyerupai pantun masyarakat Melayu sebagai khazanah sejak dahulukala. Sehingga kini, puisi *talaala* masih disebarkan secara lisan dan kajian tentangnya masih terbatas. Kajian awal terhadap puisi ini memaparkan nilai-nilai murni, iaitu persamaan dengan puisi *Hsi Shing* dalam masyarakat Cina atau *Leka Main* dalam masyarakat Iban yang kaya dengan nilai-nilai pendidikan. Justeru, kertas kerja ini akan menganalisis nilai pendidikan yang diterapkan dalam rangkap *talaala* Dusun Tindal. Data-data kajian diperoleh daripada temu bual dengan informan di lapangan. Analisis kajian mendapati *talaala* sarat dengan nilai pendidikan, terutamanya dorongan berkelakuan baik, kerajinan, hormat-menghormati dan memupuk kesedaran betapa pentingnya memiliki ilmu demi kelangsungan hidup. Penerapan nilai pendidikan secara tersirat dalam *talaala* menggambarkan kesantunan berbahasa dalam etnik Dusun Tindal, sekali gus mencerminkan ketinggian peradaban dan martabat mereka. Tradisi lisan *talaala* perlu dilestarikan demi memastikan nilai-nilai murni diterapkan dalam kalangan generasi muda.

**Kata kunci:** *Talaala*, nilai pendidikan, kesantunan, generasi muda, Dusun Tindal.

## **ABSTRACT**

*Dusun Tindal is the majority ethnic group in Kota Belud., Sabah. This ethnic group is known for its talaala poetry. The poem resembles cultural traditions as ancient treasures. Hardly, talaala poetry circulated orally and related research is limited. Preliminary studies of this poem feature noble values, notably similarities with Chinese society's Hsi Shing poetry, or Iban society's Leka Main rich in educational values. This paper will analyse the value of education in the Dusun Tindal tunnel.*


*Data were obtained from field informant interviews. Analysis showed talaala loaded with the value of education, particularly encouraging good behaviour, diligence, respect and knowledge of the purpose of understanding the nature of life. Implicit application of educational values in talaala reflects language politeness in the Dusun Tindal ethnic group, reflecting the altitude of their civilization and dignity. To ensure pure principles are enforced among the younger generation, talaala's oral heritage must be preserved.*

**Keywords:** *Talaala, education value, politeness, new generation, Dusun Tindal.*

## PENGENALAN

Dusun Tindal di negeri Sabah ialah subetnik daripada 40 etnik dalam rumpun Kadazandusun. Masyarakat ini mendiami daerah Kota Belud yang terletak di kawasan pantai barat negeri Sabah. Jarak petempatan mereka sejauh 70 kilometer daripada Bandaraya Kota Kinabalu. Daerah Kota Belud mempunyai keluasan 1385.60 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 93,180 orang. Majoriti penduduk di daerah ini terdiri daripada etnik Kadazandusun, iaitu berjumlah 38,708 atau 41.54 peratus, diikuti oleh etnik Bajau seramai 32,338 atau 34.70 peratus. Selebihnya terdiri daripada etnik Iranun, Melayu, Bumiputera lain, Cina, Murut, India dan lain-lain. Daerah ini dipimpin oleh seorang wakil Ahli Parlimen P.169 Kota Belud, serta tiga Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Usukan, Tampasuk dan Kadamaian

Dari segi etimologi, perkataan *tindal* bermaksud di darat. Perkataan Dusun Tindal merupakan sebutan yang digunakan oleh masyarakat Bajau yang tinggal berhampiran dengan laut terhadap kaum yang tinggal di kawasan dataran. Aktiviti berdagang yang disebut *tamu* atau *badi*, memperkenalkan istilah *tindal* untuk merujuk suku kaum yang tinggal di kawasan bukit yang rata-ratanya menjual hasil pertanian. Rajah 1 menunjukkan aktiviti perdagangan yang dipanggil *tamu* di Kampung Siasai, Kota Belud, Sabah pada tahun 1960.



**Rajah 1** Tamu di Kampung Siasai Kota Belud pada tahun 1960  
Sumber: Jarme Timbangan (2015).

Etnik Dusun Tindal kaya dengan warisan budaya tradisi yang masih diamalkan sehingga kini. Contohnya seperti busana, kraf tangan, tarian tradisional dan bahan kesusasteraan. Khazanah kesusasteraan mereka berbentuk tradisi lisan dan diwarisi dari generasi ke generasi. Lazimnya, tradisi lisan adalah milik bersama dan diucap secara berirama melalui aktiviti atau interaksi sosial kerana ketinggian nilai estetikanya. Sesungguhnya, tradisi lisan mempengaruhi gaya hidup melalui peluahan emosi, pembentukan dan penyusunan idea. Melalui tradisi ini, nilai-nilai moral yang positif boleh disampaikan kepada anak-anak untuk membentuk keyakinan diri dan cara berdikari.

Kajian awal menunjukkan bahawa tradisi *talaala* tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Dusun Tindal. Tradisi lisan bersifat lagu ini sentiasa hadir semasa melakukan kerja-kerja pertanian, masa senggang, acara keramaian, menjaga anak, acara adat dan ritual. Menurut Azlan Shafie (2019: 72), penggunaan tradisi lisan dalam urusan adat disifatkan sebagai satu keistimewaan yang menyerlahkan ketokohan dan kepemimpinan. Sehingga kini, masyarakat Dusun Tindal tidak memiliki sebarang aksara untuk merekod ilmu pengetahuan, namun mereka berjaya merekodkan pelbagai bahasa puitis yang sekali gus memperkaya budaya dan kesenian. Contoh kearifan tradisi lisan ini diserlahkan dalam amalan adat, pantang larang, pakaian, tarian, muzik, pertukangan dan kraf tangan. Justeru, tradisi lisan masyarakat Dusun Tindal, khususnya gerne *talaala* perlu dikaji untuk meneroka nilai-nilai pendidikannya.

Penulis juga menerapkan perbincangan tentang fungsi pendidikan dalam tradisi lisan genre *talaala* etnik Dusun Tindal. Secara umumnya, ia terkandung dalam senarai kearifan rumpun Kadazandusun (Rosliah, Rosy & Saidatul Nornis, 2016). Fungsi pendidikan dalam *talaala* diketengahkan untuk mendokumentasi khazanah warisan agar dapat dikembangkan oleh para pengkaji selanjutnya. Seterusnya, ia dapat membantu memberi kesedaran dalam kalangan generasi muda agar mencintai dan melestarikan budaya bangsa. Elemen pendidikan dalam *talaala* adalah pengetahuan yang menjadi pemangkin untuk melahirkan generasi yang bermoral dan beretika demi pemantapan jati diri.

### **Sorotan Kajian**

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa tradisi lisan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Kepelbagaian genre dalam tradisi lisan menggambarkan ketelitian dan kebijaksanaan masyarakat dahulu dalam memilih media untuk menyampaikan maklumat, didikan dan teguran. Bentuk penyampaian mengutamakan kesantunan berbahasa demi mengelakkan konflik dalam komuniti. Kajian oleh Rosliah *et al.* (2016) menjelaskan bahawa kepelbagaian jenis tradisi lisan masyarakat Kadazandusun diwarisi secara turun-temurun sebagai khazanah sepunya dalam komuniti. Kajian tentang *talaala* pula dikenal pasti sebagai genre puisi lisan masyarakat Kadazandusun yang berfungsi sebagai media pendidikan. Nilai-nilai tersebut mementingkan keharmonian keluarga, bijak menangani perasaan dan selalu berhati-hati. Seterusnya, puisi lisan berupaya membentuk masyarakat yang berdiplomasi, setia, merendah hati, tekun, berbakti, bertoleransi, sopan, rasional, penyabar, menghormati, peribadi ikhlas dan bijak.

Norjietta (2014), menjelaskan bahawa tradisi lisan Kadazandusun khususnya genre *sudawil* berfungsi untuk mendidik, menyampaikan pemikiran, perasaan dan berhemah. Fungsi tersebut menggunakan penyampaian bahasa perlambangan melalui unsur alam demi menjaga kesatuan dan etika walaupun pengungkapannya sinis. Linah dan Victor (2017: 7–8, 25) menjelaskan bahawa puisi warisan tradisional masyarakat Dusun di Sabah menggunakan istilah *lihis-lihis* atau *lilihis* daripada perkataan dialek Bundu Liwan. *Lilihis* digunakan untuk meluahkan pelbagai perasaan seperti suka, duka, gembira, sedih, kecewa dan marah. Dalam kajian ini, penulis menyimpulkan bahawa *lilihis* adalah warisan yang memperlihatkan ketajaman pemikiran, keindahan dan kekayaan dalam intonasi bahasa. Keintelektualan ini menampilkan karya kreatif yang diungkap menggunakan susunan kata-kata terpilih, tertib dan disampaikan sebagai pengucapan bahasa yang indah, halus dan menghiburkan. Puisi ini berfungsi untuk menyampaikan mesej secara tersirat supaya tidak menyakitkan hati khalayak yang

mendengarnya. Sebagai contoh, tradisi lisan seperti *kiaton* atau dikenali juga sebagai *kingkiaton* digunakan untuk menyampaikan isi hati atau mendodoikan anak menggunakan irama merdu dengan maksud yang mendalam.

Azlan Shafie Abdullah Raymond Majumah (2019) menjelaskan bahawa tradisi lisan etnik Rungus dikenali sebagai puisi *bhahul* dan *sambatan*. Dalam kajian ini, beliau mengesan tentang daya cipta, daya renung dan daya kreativiti dalam menyusun bahasa yang indah. Keindahan tersebut terpancar melalui penggunaan bahasa klasik, disusun berdasarkan kiasan dan perlambangan. Keindahan puisi mempunyai kaitannya dengan ilmu, budaya, ritual dan amalan hidup masyarakat Rungus. Penggunaan puisi merangkumi aktiviti berkomunikasi, nyanyian rakyat dan perbicaraan adat. Kajian beliau juga menjelaskan bahawa penguasaan puisi ketika perbicaraan adat akan menyerlahkan ketokohan dan kepemimpinan seseorang ketua adat kerana menyelesaikan isu dengan bahasa yang indah, diplomasi dan tersusun.

Kebanyakan kajian dalam puisi pantun Melayu menjelaskan kekayaan moral dan nilai-nilai pendidikan. Antaranya, pantun memberikan pengaruh yang positif dalam kehidupan masyarakat tradisi. Puisi pantun Melayu berhubung kait dengan pancaran akal budi pemikiran masyarakat pada masa itu, di samping memberi nilai pengajaran kepada khalayak (Norazimah, Azlina, Sharifah Zarina, Mimi Hanida, Alizah, Siti Salwa, ... Rosmah, 2017).

Masyarakat Bidayuh di Sarawak pula menyebut pantun sebagai '*patun*'. Beberapa jenis pantun dalam masyarakat Bidayuh seperti *patun patiek* (pantun jenaka), *patun ngin ajar* (pantun nasihat) dan sebagainya (Mary Fatimah, Shanti, Wan Robeah & Salbia, 2015). Salah satu contoh *patun ngin ajar* bertujuan untuk memberikan pendidikan adalah seperti berikut:

<i>Doik Tiburak sumuk ginaka</i>	Tiada guna nenek derhaka
<i>Doik pirassi doik tiburok</i>	Tiada balas tiada kasihan
<i>Sukun eh nuok rasun, pak torro ninga</i>	Cucu minum racun, termenung melihat
<i>Pak daap di 'eh ponai nang mak</i>	Tercepat sahaja tanpa berkata jangan

(Sumber: Mary Fatimah *et al.*, 2015: 27)

Masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan pula menyebut tradisi lisan sebagai pantun *madihin*. Tradisi lisan ini sering digunakan sebagai hiburan selepas lelah menuai padi atau pada waktu malam selepas majlis perkahwinan. Lazimnya, puisi ini dilafaz secara spontan dengan iringan pukulan rebana yang disebut *tarbang*. Pantun *madihin* kaya dengan nilai-nilai pendidikan yang berkaitan secara

langsung dengan nilai persahabatan, kasih sayang, kebersamaan, kekeluargaan dan hormat-menghormati. Penggunaan pantun *madihin* membantu meningkatkan kemahiran berbahasa dan pengetahuan budaya kehidupan seharian (Rafiek, 2012).


Berdasarkan kajian terdahulu, jelas menunjukkan bahawa pantun sebagai tradisi lisan yang memaparkan fungsi tertentu dalam masyarakat. Pantun bukan sahaja menceritakan perasaan tetapi mencerminkan kesopanan berbahasa, kebijaksanaan, nasihat, pendapat dan ilmu pengetahuan melalui mesej yang tersirat. Bagaimanapun, sehingga penulisan ini dijalankan, kajian yang berkaitan dengan tradisi lisan gerne *talaala* suku Dusun Tindal amat terhad.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bermatlamat meneroka pengalaman, peluahan emosi dan pemikiran melalui tradisi lisan *talaala*. Data-data kajian diperoleh daripada kerja lapangan dan temu bual informan daripada etnik Dusun Tindal. Gambaran yang menyeluruh dan komprehensif adalah dari sudut pandang informan. Siti Uzairiah Mohd Tobi (2017: 37), menjelaskan bahawa penyelidikan ini melibatkan interaksi dan penglibatan manusia dalam sesuatu perkara yang dilakukan.

Analisis dijalankan dengan menggunakan kaedah interpretasi data kualitatif Othman Lebar (2018: 175–181). Analisis juga didasarkan kepada panduan analisis data tradisi lisan Kadazandusun oleh Kiting (2016). Prosedur mengurus dan menganalisis data tradisi lisan merangkumi aktiviti seperti mentranskripsi, penterjemahan, menyusun data, memahami data, melakukan pengekodan, pengkategorian serta mempersembahkan data. Selepas data dikenal pasti, penulis menggunakan Model Fungsi Pendidikan Tradisi Lisan Kadazandusun oleh (Kiting, 2016) untuk menghurai nilai murni dan pendidikan. Terdapat lapan elemen sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Model Fungsi Pendidikan



Sumber: Model Fungsi Pendidikan (Kiting, 2016: 319–324).

### **Pembahasan Dapatan Kajian**

Analisis nilai moral dalam *talaala* dalam kajian adalah berdasarkan model fungsi pendidikan (Kiting, 2016). Pertama, mengamalkan sikap menghormati sesama manusia. Kedua, memberi kesedaran dan keinsafan. Pendidikan lazimnya diperoleh daripada kata-kata berbentuk kiasan atau sindiran yang bertujuan memberikan kesedaran atau keinsafan berkaitan dengan sikap, tingkah laku

mahupun pertuturan. Ketiga, mendidik agar menjaga dan memelihara perkataan yang baik dan benar dalam pertuturan. Keempat, memupuk kesedaran memiliki ilmu pengetahuan. Kelima, menggalakkan sikap sabar dalam menjalani kehidupan seharian. Keenam, mendorong melakukan kebaikan sesama manusia tanpa mengira bangsa dan agama, manakala ketujuh, menanam sikap tekun melakukan pekerjaan atau tugas. Kelapan adalah pendidikan yang menggalakkan sikap pemurah dan dermawan.

### ***Talaala 1***

*Loyuk-loyuk no i yumbilingon*

*Noompus do turipos*

*Iso po i nokoumbolot*

*Tanak do kologiau*

Pokok buluh berjutaian

Dipenuhi burung serindit

Hanya seekor yang tercampur

Anak si burung murai

Berdasarkan *talaala 1*, masyarakat Dusun Tindal kerap menggunakan burung sebagai perlambangan terhadap gadis. Burung *turipos* atau burung serindit terkenal dengan bulunya yang cantik dan berwarna-warni dan habitatnya hidup secara berkumpulan. Bagaimanapun, cara pemakanannya tidak cermat. Sebagai contoh, burung ini pandai menghisap air daripada batang tebu, tetapi hampasnya berhamburan. Kecantikan bulu burung *turipos* dalam kalangan orang Tindal merujuk kepada kecantikan wanita. Cara pemakanannya dikaitkan dengan sikap wanita yang malas mengemas. Burung *kologiau* atau murai terkenal dengan kicauan yang merdu merujuk kepada sikap peramah. Selain itu, burung *kologiau* memiliki sikap pemakanan yang sangat kemas, iaitu sentiasa menghabiskan makanannya sehingga bersih. Sikap ini merujuk kepada sikap gadis yang cermat, pembersih dan tidak suka membazir. Sifat istimewa burung *kologiau* adalah hanya berkicau pada waktu pagi dan petang yang menjelaskan sikap memanfaatkan waktu. Waktu pagi burung ini kedengaran berkicau seolah-olah menunjukkan keramahan kepada manusia yang bersedia untuk ke kebun melakukan kerja. Sifat burung *kologiau* menjelaskan aktiviti harian orang Tindal yang berbincang dan memberi pesanan pada waktu pagi tentang pekerjaan rutin di ladang. Pada waktu petang pula, masa yang terluang digunakan untuk bersembang tentang pengalaman atau peristiwa yang dilalui sepanjang hari. Bagi masyarakat Dusun Tindal, seorang gadis bukan dinilai dari segi kecantikan sahaja tetapi sikap peramah turut diutamakan. Sikap peramah dan mudah berbual disenangi oleh sesiapa sahaja meskipun baharu dikenali. Hal ini demikian kerana seseorang yang peramah mudah menambah kenalan dan memperoleh kawan walau di mana juga berada (Sulaiman, 2007).



*Talaala 1* menjelaskan bilangan burung *turipos* yang banyak, manakala burung *kologiau* yang hanya dinyatakan sebagai seekor sahaja. Gambaran ini berkait dengan kecantikan yang bukan sahaja menarik perhatian tetapi perlu memaparkan sikapnya yang peramah. Berdasarkan model fungsi pendidikan (Kiting, 2016), sikap peramah dikaitkan secara langsung dengan nilai pendidikan. Inti kebaikan ini adalah pancaran daripada amalan sikap yang peramah tanpa mengira latar dan status seseorang. Sebagai contoh, seorang gadis perlu cantik pada zahirnya, namun jika bersikap sombong nescaya akan dibenci oleh masyarakat sekeliling. Sikap peramah bertindak sebagai pakej nilai dalam pendidikan melalui amalan yang dapat menyerlahkan keyakinan dan kepercayaan.

## **Talaala 2**

*Pooloso ku lopong-lopong*  
*Ponungkul ku laga-laga*  
*Kada kama hangi-hangi*  
*Osurangaban ko moti*

Pinjamkan aku sebatang galah  
Buat penjelok sang semut  
Usahlah bersikap memperlekeh  
Kelak akan rompang

Galah digunakan sebagai alat untuk mencapai sesuatu benda yang tinggi. Penggunaannya memudahkan seseorang agar tidak perlu memanjat atau menggunakan tangga. Bagaimanapun, dalam *talaala 2*, galah dianggap sebagai pengganggu kediaman *laga* (semut) menyebabkan kemarahan sang semut. *Talaala 2* menggambarkan sikap seseorang yang sengaja membangkitkan kemarahan orang lain melalui unsur gangguan. Dalam masyarakat Dusun Tindal, *laga* dianalogi sebagai orang baik dan pendiam. Apabila diperlekehkan, mereka akan bertindak secara hiperaktif atau ganas umpama gelagat *laga* yang bertindak balas demi melindungi diri daripada terus diganggu. Perbuatan memperlekeh seperti mengeluarkan kata-kata hinaan, sama ada dari aspek fizikal atau kognitif pasti akan menimbulkan rasa tidak senang hati dan mencetuskan kemarahan.

Selaras dengan model fungsi pendidikan (Kiting, 2016), *talaala 2* dikaitkan dengan kepentingan memelihara tutur kata yang baik. Kata-kata yang sopan dikaitkan dengan sikap dan budi bahasa. *Talaala* ini menerapkan nilai pendidikan seperti sikap hormat-menghormati dan mengakui kebolehan orang lain. Menghormati seseorang bermakna memandang tinggi dan menghormati pandangan dan perasaan seseorang. Hormat-menghormati adalah sikap beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan. Amalan dan sikap berbudi bahasa akan membawa kepada kesepaduan dalam kehidupan bermasyarakat (Mohammad Syawal, 2016: 98).

### **Talaala 3**

*Hariribu-hariribu*  
*Noontop ku binorokilong*  
*Kilong po i tala-ala*  
*Olinsusuyan ku kasari*

Bakul *riribu* bakul *riribu*  
Kuapit dengan lingkaran rotan  
Sesusah manapun *talaala*  
Tetap kudapat menjawabnya

*Riribu* atau penampi padi adalah sejenis anyaman bakul berbentuk bujur. Masyarakat Dusun Tindal menggunakan alat ini dalam proses memisahkan beras dengan padi. Proses mengasingkan beras dan padi biasanya dibuat dengan menggerakkan *riribu* secara berbalas dan berulang-ulang dari arah kiri dan kanan. Selain itu, *riribu* digunakan untuk menjemur padi, tempat menyimpan bungkusan nasi dan pelbagai kegunaan lain dalam kehidupan harian. Proses membuat *riribu* yang berbentuk bujur lebih rumit daripada membuat *nyiru* yang berbentuk bulat. Kerumitan pembuatan alat ini dan gambaran proses mengasingkan padi dan beras dianalogikan dalam rangkap-rangkap *talaala*. Ada kalanya, *talaala* menggunakan bahasa yang sukar difahami sehingga memerlukan kepakaran untuk memahami dan memberikan jawapan. Bagaimanapun, dalam adat *talaala* atau berbalas pantun memerlukan maklum balas daripada lawan. Maknanya, setiap *talaala* yang diutarakan perlu dijawab oleh pihak lawan. Berdasarkan fungsi pendidikan Kiting (2016), kesedaran terhadap ilmu pengetahuan amat mustahak dalam kehidupan seharian. Tanpa ilmu, seseorang akan terkandas atau gagal menjawab *talaala* yang dikemukakan. Kekalahan tersebut menjejaskan keyakinan diri. Fungsi pendidikan ini dapat dikaitkan dengan nilai bertanggungjawab terhadap kemenjadian diri agar sentiasa menimba ilmu pengetahuan. Nilai pendidikan dalam *talaala* dikaitkan dengan kesanggupan seseorang memerah otak untuk mendapatkan jawapan. Secara umumnya, aktiviti *talaala* mengaitkan usaha dan ikhtiar tanpa mengenal erti putus asa.

### **Talaala 4**

*Sigarai ku Nabalu*  
*Polumbungai*  
*ku tadau*  
*Piintong ku topulu*  
*Lugu do tompinahaton*

Kupasangkan tanjak kepada Gunung Kinabalu Untuk  
melindungi sinaran sang mentari Kuharapkan ia jatuh  
tersungkur  
Rupanya teras kayu yang kuat

Masyarakat Dusun Tindal yang menduduki kawasan kaki Gunung Kinabalu mengabadikan tempat ini dalam tradisi lisan *talaala*. *Nulu Nabalu* atau Gunung Kinabalu menjadi lambang kemegahan negeri Sabah. Menurut kepercayaan

tradisi, roh orang yang mati akan menuju ke *Nulu Nabalu* sebagai persemadian yang kekal. *Sigar* ialah pelengkap pakaian tradisi lelaki kaum Kadazandusun yang melambangkan kegagahan, kepahlawanan, kepimpinan atau kegemilangan. Hal ini dijelaskan sejak zaman dahulu, iaitu seseorang lelaki yang membawa kemenangan atau kejayaan akan disambut dengan ritual. Acara utama dalam ritual ini adalah pemakaian *sigar* sebagai pengiktirafan pencapaiannya. Dari sudut negatif, lelaki yang menerima penghargaan biasanya akan mengundang rasa dengki pada seseorang. Oleh itu, si pendengki berusaha menjatuhkan lelaki gemilang tadi seperti yang digambarkan dalam rangkap *talaala* '*piintong ku topulu*' (kuharapkan ia jatuh tersungkur). Bagaimanapun, lelaki yang diiktiraf memakai *sigar* digambarkan sebagai *lugu do tompinahaton* (rupanya kayu keras yang kuat) kerana kejayaan tidak mungkin diperoleh secara mudah.

Perlambangan terhadap *tompinahaton* merujuk kepada jenis kayu yang keras dan tahan. Kayu seperti ini digunakan sebagai tiang rumah, tiang pagar, penanda sempadan tanah dan penanda kubur. Peranan dan fungsi tersebut adalah gambaran seseorang yang amat diperlukan, dipercayai dan disegani dalam kalangan komuniti. Pengiktirafan terhadap pemakaian *sigar* masih diamalkan dalam masyarakat Kadazandusun sebagai lambang anugerah. Contohnya, anugerah untuk gelaran *Huguan Siou*, *Buhavan*, *Tindarama*, *Mogokounan*, *Miontong*, *Susukuon* dan *Rindawan*.

Fungsi pendidikan berdasarkan model Kiting (2016) dalam *talaala* dikaitkan dengan nilai kebaikan dalam kehidupan. Perasaan dengki pula merupakan sikap yang terkutuk dan menyebabkan seseorang sanggup melakukan kezaliman dan penganiayaan. Nilai moral yang diterapkan dalam *talaala 4* adalah sikap kesederhanaan dan tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan berkaitan dengan pemikiran, pertuturan atau perlakuan diri dan orang lain. Nilai yang signifikan dalam pendidikan adalah merujuk kepada pendirian yang teguh walaupun menghadapi banyak cabaran.

## KESIMPULAN

*Talaala* merupakan tradisi lisan yang sarat dengan ilmu sebagai ungkapan yang diselitkan dengan pelbagai mesej. Mesej-mesej tersebut diadun dalam bentuk maklumat, pendidikan dan hiburan. Hal ini bermakna bahawa *talaala* bukan sahaja bertujuan untuk keseronokan atau hiburan tetapi lebih kepada khazanah ilmu kebijaksanaan yang sarat dengan nilai-nilai moral (Kiting, 2019). Kajian ini mendedahkan pelbagai pengalaman melalui apresiasi nilai-nilai moral dalam

*talaala* seperti sikap yang rajin, baik hati, sabar, pemurah, hormat-menghormati dan lain-lain. Nilai murni dapat membentuk dan membina jati diri yang positif dalam kalangan generasi muda.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa *talaala* memberikan sumbangan yang besar dalam pendidikan. Nilai pendidikan yang berkesan membantu merealisasikan falsafah pendidikan negara. Pertama, ialah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kedua, untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis, pendidikan dijalankan secara berterusan untuk membantu individu merealisasikan potensinya secara menyeluruh dan bersepadu. Ketiga, untuk melahirkan insan yang berilmu, berketerampilan dalam mencari kesejahteraan diri. Keempat, untuk melahirkan rakyat yang mempunyai kesejahteraan dan keharmonian hidup, mampu memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

## RUJUKAN

- Azlan Shafie Abdullah Raymond Majumah. (2019). *Keindahan tradisi lisan etnik Rungus: Analisis khusus terhadap satu wacana pertikaman lidah suami-isteri dalam satu peristiwa keluarga*. Dlm. Rosliah Kiting, Minah Sintian, Mahzan Arshad & Wilfred.
- Kiting, R. (2019). Momuhaboi (meminang) ceremony of Kadazandusun Society. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2), 1233–1241.
- Linah Bagu & Victor Baga. (2017). *Lilihis tinungkusan Tinaru Dusun*. Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.
- Mary Fatimah Subet, Shanti Nadarajan, Wan Robeah Meor Osman & Salbia Hassan. (2015). *Unsur semantik dan pragmatik dalam pantun Bidayuh Jagoi*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohammad Syawal Narawi. (2016). Nilai murni dalam bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak. Dalam *Proceeding of ICECRS*, 1, 93–100.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 89–97.
- Norjietta Julita Taisin. (2014). Genre puisi lisan tradisional Kadazandusun (*Sudawil*): Bahasa perlambangan dalam *Sudawil* percintaan dan kasih sayang dari dimensi alam dan budaya. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 291–297.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metode* (Ed. ke-2). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Rafiek, M. (2012). Pantun madihin: Kajian ciri, struktur pementasan, kreativiti pemadihinan, pembangunan dan pembinaannya di Kalimantan Selatan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 104–114.
- Rosliah Kiting, Rosy Talin & Saidatul Normis Mahali. (2016). Nilai pendidikan talaala dan impak kepada pembentukan generasi muda Kadazandusun. *Jurnal Pendidikan BITARA (Edisi Khas)*, 77–86.
- Rosliah Kiting. (2016). *Peranan pendidikan talaala dan cadangan cara mewariskannya dalam masyarakat Kadazandusun*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Sølvberg Astrid, & Rismark Marit. (2012). Learning spaces in mobile learning environments. *Active Learning in Higher Education*, 13(1), 23–33. <https://doi.org/DOI: 10.1177/1469787411429189>
- Sulaiman, S. (2007). *Remaja positif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

### **Informan**

- Dommin Bondior, 60 tahun. Kampung Puhus, Tamparuli, Sabah. 21 April 2020.
- Katel Sinoh, 81 tahun. Kampung Rosok Rantai, Kota Belud, Sabah. 4 Jun 2019.
- Kotu Madasal, 95 tahun. Kampung Bangkahak Lama, Kota Belud, Sabah. 13 September 2019.
- Sayed Bansayan, 69 tahun. Kampung Bangkahak Lama, Kota Belud, Sabah. 24 September 2019.

